

TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL KEMPEN “50 GOLDEN JOURNEY”

Kempen “50 Golden Journey” (“Kempen”) ini dilancarkan oleh Public Bank Berhad (No. Pendaftaran 196501000672 (6463-H)) (“PBB”). Terma dan syarat di bawah akan mengawal Kempen ini.

1. Tempoh Kempen

- 1.1 Kempen ini akan berlangsung dari **1 Oktober 2023 hingga 31 Disember 2023**, (termasuk kedua-dua tarikh tersebut, atau tarikh lain seperti yang ditentukan oleh PBB (“Tempoh Kempen”)).
- 1.2 Kempen ini boleh didapati di semua cawangan PBB di Malaysia.

2. Kelayakan

- 2.1 Kempen ini terbuka kepada pelanggan individu berusia 50 tahun dan ke atas pada waktu penyertaan termasuk bukan pemastautin (“Peserta yang Layak”).
- 2.2 Mereka yang berikut **TIDAK** layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini:
 - a) kakitangan tetap dan/atau kontrak PBB, Public Islamic Bank Berhad (“PIBB”) dan Public Investment Bank Berhad;
 - b) pelanggan bukan individu iaitu keempunyaan tunggal, perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab, sekolah dan pertubuhan;
 - c) orang yang tidak waras;
 - d) orang yang telah diisytiharkan bankrap atau mempunyai prosiding guaman dalam apa jua bentuk terhadap mereka; dan
 - e) orang yang akaunnya dipegang oleh PBB dan/atau PIBB culas atau tidak disenggara dengan memuaskan seperti yang ditetapkan oleh PBB dan/atau PIBB.

3. Mekanisme Kempen

- 3.1 Produk yang Layak di bawah Kempen ini adalah seperti yang berikut:

Bil.	Produk yang Layak*
1.	Akaun Simpanan 50 PLUS (SA50)
2.	Akaun Deposit Tetap PB Golden 50 PLUS (FD50)

* Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

Versi 2. Dikemas kini pada 1 November 2023

- 3.2 Bagi Peserta yang Layak yang tidak mempunyai SA50 dengan PBB sebelum Tempoh Kempen, Peserta yang Layak boleh membuka SA50 baharu dengan deposit permulaan yang lebih rendah sebanyak RM500 semasa Tempoh Kempen untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini.
- 3.3 Semasa Tempoh Kempen, Peserta yang Layak yang memenuhi syarat seperti yang dinyatakan dalam Fasal 4.1 dan/atau Fasal 5.1 layak untuk menikmati manfaat yang berikut:
- a) Ganjaran Tunai Bulanan untuk SA50; dan/atau
 - b) Kadar Faedah Promosi untuk FD50.

4. Ganjaran Tunai Bulanan untuk SA50

- 4.1 Peserta yang Layak perlu mengekalkan Baki Purata Bulanan (“MAB”) sekurang-kurangnya RM200,000 dalam SA50 semasa bulan kalendar untuk layak mendapat Ganjaran Tunai Bulanan sebanyak RM18 (“Ganjaran Tunai Bulanan”).
- 4.2 Di bawah Fasal 4.1, pengiraan MAB dalam SA50 adalah seperti yang berikut:

Butiran	SA50 Baharu	SA50 Sedia Ada
Baki Purata Bulanan (“MAB”)	Baki akhir hari harian teragregat dari tarikh pembukaan akaun hingga akhir bulan dibahagikan dengan jumlah bilangan hari sebenar dari tarikh pembukaan akaun hingga akhir bulan.	Baki akhir hari harian teragregat pada bulan berkenaan dibahagikan dengan jumlah bilangan hari sebenar pada bulan berkenaan.

Bagi mengelakkan keraguan, akaun dianggap sebagai akaun baharu apabila akaun itu dibuka oleh Peserta yang Layak semasa Tempoh Kempen.

Ilustrasi pengiraan di atas adalah seperti yang berikut:

Ilustrasi 1: SA50 baharu yang dibuka pada 11 Oktober 2023

Tarikh	Baki akhir hari harian
11 Oktober 2023 hingga 20 Oktober 2023	RM150,000
21 Oktober 2023 hingga 31 Oktober 2023	RM300,000

Baki akhir hari harian teragregat	$(RM150,000.00 \times 10 \text{ hari}) + (RM300,000.00 \times 11 \text{ hari}) = RM4,800,000.00$
Jumlah bilangan hari sebenar dari tarikh pembukaan akaun hingga akhir bulan	21 hari
MAB	$RM4,800,000.00 / 21 \text{ hari} = RM228,571.43$

Peserta yang Layak ini layak untuk mendapat Ganjaran Tunai Bulanan.

Ilustrasi 2: SA50 Sedia Ada

Tarikh	Baki akhir hari harian
1 Oktober 2023 hingga 20 Oktober 2023	RM150,000
21 Oktober 2023 hingga 31 Oktober 2023	RM200,000

Baki akhir hari harian teragregat	$(RM150,000.00 \times 20 \text{ hari}) + (RM200,000.00 \times 11 \text{ hari}) = RM5,200,000.00$
Jumlah bilangan hari sebenar pada bulan kalendar berkenaan	31 hari
MAB	$RM5,200,000.00 / 31 \text{ hari} = RM167,741.94$

Peserta yang Layak ini **tidak** layak untuk mendapat Ganjaran Tunai Bulanan.

- 4.3 Setiap Peserta yang Layak layak untuk mendapat satu (1) Ganjaran Tunai Bulanan setiap bulan kalendar semasa Tempoh Kempen seperti ilustrasi dalam jadual di bawah:

Bulan kalendar	Mengekalkan MAB sekurang-kurangnya RM200,000 dalam SA50 semasa bulan kalendar	Kelayakan untuk mendapat Ganjaran Tunai Bulanan
Oktober 2023	✓	Ya
November 2023	✓	Ya
Disember 2023	X	Tidak

- 4.4 Ganjaran Tunai Bulanan akan dikreditkan dalam SA50 milik Peserta yang Layak dalam tempoh enam belas (16) minggu selepas Tempoh Kempen berakhir.
- 4.5 Peserta yang Layak tidak layak untuk mendapat Ganjaran Tunai Bulanan di bawah Kempen ini sekiranya SA50 ditutup, ditukarkan, digantung, dibatalkan, ditamatkan, dormant atau tidak aktif sebelum Ganjaran Tunai Bulanan dikreditkan dalam SA50 milik Peserta yang Layak.
- 4.6 Ganjaran Tunai Bulanan yang ditawarkan di bawah Kempen ini tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga, tidak boleh dirundingi dan tidak boleh ditukarkan untuk tunai pendahuluan, kredit atau barang, sebahagiannya atau sepenuhnya.
- 4.7 PBB berhak untuk menarik balik apa-apa Ganjaran Tunai Bulanan sekiranya terma dan syarat ini dan terma dan syarat yang mengawal Produk yang Layak bagi tujuan Kempen ini tidak dipatuhi.

5. Kadar Faedah Promosi untuk FD50

- 5.1 Peserta yang Layak yang membuat peletakan dalam FD50 semasa Tempoh Kempen layak untuk kadar faedah promosi seperti yang dinyatakan dalam Lampiran I.
- 5.2 Peletakan FD50 tertakluk pada amaun peletakan minimum dan maksimum seperti yang berikut:

Minimum	Maksimum
RM5,000 setiap resit	RM10 Juta setiap Peserta yang Layak

- 5.3 Semua wang atau dana yang diletakkan di bawah FD50 mestilah dana baharu. “Dana baharu” merujuk apa-apa wang atau dana yang bukannya daripada dana sedia ada dalam akaun deposit Peserta yang Layak sama ada dipegang secara bersendirian atau bersama-sama dengan orang lain dan disenggara dengan PBB atau PIBB. Peserta yang Layak mesti membuat peletakan deposit dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar dari tarikh wang atau dana itu dipindahkan atau dikreditkan dalam akaun Peserta yang Layak, jika tidak wang atau dana itu tidak lagi dianggap sebagai “dana baharu”.
- 5.4 Peserta yang Layak dibenarkan untuk membuat peletakan berganda dalam resit berganda tertakluk pada amaun minimum sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) bagi setiap resit dan sehingga amaun maksimum sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh Juta (RM10,000,000) setiap Peserta yang Layak.
- 5.5 Faedah dikira berdasarkan bilangan hari sebenar.
- 5.6 Faedah FD50 akan dikreditkan dalam Akaun Semasa / Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan / Akaun Simpanan-i (CASA/-i) yang ditentukan milik Peserta yang Layak pada setiap bulan.
- 5.7 Peletakan FD50 itu hanyalah untuk 3 bulan atau 6 bulan atau 9 bulan atau 12 bulan sahaja. Kadar faedah promosi hanya diterima pakai untuk satu (1) pusingan sahaja. Peletakan FD50 itu akan diperbaharui secara automatik bagi tempoh 3 bulan atau 6 bulan atau 9 bulan atau 12 bulan pada kadar faedah kaunter semasa PBB dan faedah FD50 akan dikreditkan dalam CASA-i yang ditentukan milik Peserta yang Layak pada setiap bulan.
- 5.8 Pemegang akaun bagi FD50 dan CASA/-i mestilah dalam nama individu yang sama.
- 5.9 **Apa-apa peletakan FD50 yang dibuat di bawah Kempen ini dan dikeluarkan sebelum kematangannya tidak layak untuk apa-apa faedah.**
- Syarat di atas akan terus diterima pakai apabila peletakan FD50 diperbaharui.**
- 5.10 Bagi FD50 yang dikeluarkan sebelum kematangannya, apa-apa faedah bulanan yang dikreditkan dalam CASA/-i yang ditentukan sebelum pengeluaran FD50 akan ditolak daripada amaun pokok sebelum perolehan daripada pengeluaran FD50 dikeluarkan kepada Peserta yang Layak.
- 5.11 Pengeluaran sebahagian peletakan dalam FD50 adalah **tidak** dibenarkan.

- 5.12 Semua arahan bagi pengeluaran peletakan FD50 mesti dibuat dengan memberi arahan bertulis yang jelas dan tepat dan ditandatangani dengan sewajarnya oleh penandatangan dibenarkan pemegang akaun tersebut berkaitan dengan pengeluaran dan pelupusan peletakan berkenaan. PBB berhak untuk menolak / mengelak daripada melaksanakan arahan tersebut sekiranya tandatangan pada dokumen seumpama itu, pada pandangan PBB, berbeza daripada contoh tandatangan dalam sistem PBB. Semua pindaan dalam arahan tersebut hendaklah disahkan oleh penandatangan dibenarkan yang mana tandatangan ini hendaklah mengikut contoh tandatangan dalam sistem PBB.
- 5.13 Apa-apa peletakan FD50 yang dibuat di bawah Kempen ini tidak akan dibenarkan untuk dijadikan sandaran bagi apa-apa overdraf atau apa-apa kemudahan lain.
- 5.14 Kempen ini **tidak** sah dengan promosi produk lain yang ditawarkan serentak oleh PBB.

6. Terma dan Syarat Am

- 6.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat ini, terma dan syarat yang mengawal Produk yang Layak dan terma dan syarat yang mengawal CASA/-i (termasuk apa-apa pindaan, perubahan dan/atau semakan semula terma dan syarat ini). Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara terma dan syarat ini dan terma dan syarat yang mengawal Produk yang Layak dan/atau terma dan syarat yang mengawal CASA/-i, terma dan syarat ini akan diterima pakai bagi tujuan Kempen ini.
- 6.2 Peserta yang Layak mengakui dan bersetuju bahawa rekod urus niaga yang disenggara oleh PBB dan keputusan PBB berkaitan dengan apa-apa perkara mengenai Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas mereka. PBB tidak akan melayani apa-apa rayuan atau surat-menyurat daripada mana-mana Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga mengenai apa-apa perkara berkaitan dengan Kempen ini.
- 6.3 Peserta yang Layak bersetuju dan memberi keizinan kepada PBB untuk memproses, mengumpul, menggunakan dan menyimpan semua maklumat Peserta yang Layak berkaitan dengan Produk yang Layak, CASA/-i bagi tujuan Kempen ini.
- 6.4 PBB tidak akan bertanggungjawab mahupun menerima apa-apa liabiliti dalam apa juga bentuk dan walau bagaimana sekali pun yang timbul atau dialami oleh Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen ini kecuali disebabkan oleh kecuaiian atau salah laku yang disengajakan oleh PBB secara khusus berkaitan dengan Kempen ini.

- 6.5 PBB tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa salah tafsiran atau salah gambaran fakta oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan berkaitan dengan Kempen ini yang disiarkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan.
- 6.6 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, PBB secara nyata mengecualikan dan menolak apa-apa representasi, waranti atau pengesahan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa pengehadan terhadap apa-apa yang diterbitkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan berkaitan dengan Kempen ini.
- 6.7 Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara terma dan syarat ini dengan apa-apa pengiklanan, kempen, promosi, publisiti dan bahan lain berkenaan atau berkaitan dengan Kempen ini, terma dan syarat ini akan diterima pakai.
- 6.8 PBB berhak untuk:
- a) membuat penambahan, memotong atau mengubah terma dan syarat ini, dari semasa ke semasa, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Peserta yang Layak melalui penulisan dalam laman web PBB, mempamerkan notis di cawangan PBB atau apa-apa kaedah lain yang akan ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa dan pindaan terma dan syarat tersebut akan diterima pakai berbanding apa-apa peruntukan atau representasi yang terkandung dalam apa-apa bahan promosi yang mengiklankan Kempen ini;
 - b) membatalkan, menarik balik, menggantung atau menamatkan Kempen ini sebelum berakhirnya Kempen ini, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Peserta yang Layak melalui penulisan dalam laman web PBB, mempamerkan notis di cawangan PBB atau apa-apa kaedah lain yang akan ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pembatalan, penarikan balik, penggantungan atau penamatan tersebut tidak akan melayakkan Peserta yang Layak untuk apa-apa tuntutan atau ganti rugi terhadap PBB bagi mana-mana dan semua kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Peserta yang Layak sama ada diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penarikan balik, penggantungan atau penamatan tersebut; dan
 - c) menyemak semula kadar faedah promosi di bawah Kempen ini dengan memberi notis awal kepada Peserta yang Layak melalui penulisan dalam laman web PBB, mempamerkan notis di cawangan PBB atau apa-apa kaedah lain yang akan ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa.
- 6.9 Terma dan syarat ini akan dikawal dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia dan Peserta yang Layak bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah di Malaysia.

6.10 Peserta yang Layak boleh membaca Notis Kerahsiaan PBB yang menyatakan bagaimana PBB menggunakan maklumat Peserta yang Layak dalam laman web PBB atau di mana-mana cawangan PBB.

Ruang Selebihnya pada Muka Surat ini Sengaja Dibiarkan Kosong

Lampiran I

Kadar Faedah Promosi yang ditawarkan di bawah Kempen “50 Golden Journey” adalah seperti yang berikut:

Untuk Tempoh Kempen dari 1 Oktober 2023 hingga 31 Oktober 2023:

Tempoh	Kadar Faedah Promosi (% setahun)
3 bulan	3.55
6 bulan	3.65
9 bulan	3.70
12 bulan	3.75

Untuk Tempoh Kempen dari 1 November 2023 hingga 31 Disember 2023:

Tempoh	Kadar Faedah Promosi (% setahun)
3 bulan	3.60
6 bulan	3.70
9 bulan	3.80
12 bulan	3.85